



**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 36 TAHUN 2021**

**PINDAAN GARIS PANDUAN PENYELIDIK
PASCA DOKTORAL
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
5 Ogos 2021 | 26 Zulhijjah 1442H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1 (64)

5 OGOS 2021
26 ZULHIJjah 1442H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2021

PINDAAN GARIS PANDUAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeling Pentadbiran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf mengenai pindaan kepada Garis Panduan Penyelidik Pasca Doktoral Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (dahulunya dikenali sebagai Garis Panduan Skim Pasca Doktoral Universiti Teknikal Malaysia Melaka) yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Senat Bilangan 6 Tahun 2021 yang telah bersidang pada 30 Jun 2021.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penyelidik Pasca Doktoral UTeM merupakan penyelidik lepasan Ijazah Doktor Falsafah bagi menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa di UTeM dalam bidang penyelidikan (nic) bagi melonjakkan tahap pencapaian penyelidikan universiti ke peringkat atau kedudukan yang lebih tinggi.
- 2.2 Garis Panduan Penyelidik Pasca Doktoral UTeM pertama kalinya telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Senat Bilangan 2 Tahun 2016 pada 24 Februari 2016.
- 2.3 Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 10 Tahun 2020 telah mengesyorkan agar garis panduan ini disemak mengikut keperluan semasa. Pindaan juga wajar dilaksanakan selaras dengan *Seven Strategic Goals of UTeM (SSG) 2021-2025* dan menerapkan elemen konsep T.U.N.A.I. (*Technology @ University Advancing Industry and Society*).

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Selaras dengan kelulusan Mesyuarat Senat Bilangan 6 Tahun 2021, pelaksanaan Garis Panduan Penyelidik Pasca Doktoral UTeM adalah seperti di **Lampiran 1**. Garis Panduan versi Bahasa Inggeris adalah seperti di **Lampiran 2**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 30 Jun 2021.

Sekian, terima kasih

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia
Melaka

GARIS PANDUAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERENGGAN

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Objektif
4. Syarat-Syarat Permohonan
5. Taraf Lantikan
6. Tempoh Lantikan
7. Tugas dan Tanggungjawab
8. Penyelia
9. Syarat-Syarat Lantikan Semula
10. Perkhidmatan
11. Pihak Berkuasa Melantik
12. Penamatan
13. Lain-Lain

GARIS PANDUAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur pelantikan dan pengurusan Penyelidik Pasca Doktoral di bawah tajaan UTeM.

2. TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“**CRIM**” ertinya Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi;

“**JKPPPD**” ertinya Jawatankuasa Pemilih Penyelidik Pasca Doktoral;

“**PhD**” ertinya Ijazah Doktor Falsafah;

“**PTJ**” ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Fakulti/Institut/Pusat/Pejabat atau apa-apa jua nama ia disebut yang ditubuhkan oleh UTeM dari semasa ke semasa;

“**staf**” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman yang dibayar emolumen oleh pihak UTeM;

“**PPD**” ertinya penyelidik pasca doktoral yang dilantik; dan

“**UTeM**” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa garis panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.

- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam garis panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan garis panduan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam garis panduan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada garis panduan ini.

3. **OBJEKTIF**

Objektif pelantikan PPD UTeM adalah seperti berikut:-

- (a) Memantapkan ekosistem penyelidikan dalam bidang tujuan penyelidikan UTeM.
- (b) Meningkatkan jumlah penerbitan artikel jurnal, geran penyelidikan dan penyeliaan pelajar pasca siswazah.
- (c) Menggalakkan pembangunan modal insan dalam negara melalui aktiviti penyelidikan.

4. **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

4.1 **Syarat-syarat Am**

- (a) Permohonan dibuka sepanjang tahun.
- (b) Permohonan menggunakan borang yang ditetapkan, yang boleh dimuat turun dari laman sesawang UTeM.
- (c) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak CRIM.
- (d) Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen berikut:
 - i. Salinan kad pengenalan (warganegara Malaysia)/salinan pasport (bukan warganegara Malaysia).
 - ii. Gambar bersaiz pasport yang terkini.
 - iii. Sijil-sijil akademik (Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/PhD/surat kelulusan Senat).
 - iv. Minimum band TOEFL 600 atau IELTS skor keseluruhan minimum 6.5 bagi calon antarabangsa yang tesis PhDnya bukan dalam Bahasa Inggeris.
 - v. Cadangan Penyelidikan dan Jadual Pelaksanaan (dalam bentuk carta gantt).
 - vi. Pembuktian penerbitan WoS/SCOPUS. Lampirkan pengesahan penerbitan dari web WoS/SCOPUS bagi yang telah diterbitkan atau surat pengesahan penerimaan untuk penerbitan bagi yang belum diterbitkan.

- vii. *Curriculum Vitae*. (Senarai penerbitan-lampirkan muka hadapan penerbitan atau surat pengesahan penerimaan untuk penerbitan).
- (e) Semua salinan dokumen di perenggan 4.1(d) di atas hendaklah disahkan oleh pihak UTeM atau pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Pejabat Kedutaan (calon bukan warganegara Malaysia).
- (f) Calon hendaklah mengemukakan dokumen/sijil asal semasa melapor diri.
- (g) Borang pemeriksaan kesihatan yang telah disahkan oleh doktor perubatan Hospital Kerajaan atau klinik panel UTeM hendaklah dikemukakan semasa melapor diri.

4.2 Syarat-syarat Khusus

- (a) Terbuka kepada calon warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia.
- (b) Memiliki PhD yang berkaitan dengan bidang penyelidikan di UTeM serta diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dari mana-mana universiti atau institusi dari dalam atau luar negara.
- (c) Bidang penyelidikan adalah mengikut bidang penyelidikan di UTeM seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Bidang penyelidikan di UTeM.

Domain	Bidang Penyelidikan
Mekanikal & Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Design and Concurrent Engineering</i> • <i>Advanced Manufacturing Processes</i> • <i>Autonomous and Intelligent Manufacturing</i> • <i>Competitive Manufacturing</i> • <i>Engineering Materials</i> • <i>Thermal Fluids</i> • <i>Structural Mechanics and Advanced Materials</i> • <i>Design and Innovation</i> • <i>Automotive Engineering</i> • <i>Energy Engineering</i>

Domain	Bidang Penyelidikan
Elektrik & Elektronik	<ul style="list-style-type: none"> • <i>High Voltage Technology</i> • <i>Power Electronics and Drives</i> • <i>Mechatronic System</i> • <i>Robotic and Industrial Automation</i> • <i>Sustainable Energy and Power System</i> • <i>Antenna and Propagation</i> • <i>Computer and Embedded System</i> • <i>Consumer Electronic</i> • <i>Electronics Instrumentation</i> • <i>Optoelectronics</i> • <i>RF and Microwave Engineering</i> • <i>Satellite and Navigation System</i>
Teknologi Maklumat & Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Software and information Systems Engineering</i> • <i>Data and Knowledge Engineering</i> • <i>Artificial Intelligence, Modeling and Decision Technology</i> • <i>Networking and Internet Computing</i> • <i>Computer Systems and Security</i>
Pengurusan & Keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Technology Management</i> • <i>Entrepreneurship</i> • <i>Human Resource Development</i> • <i>Technical Communication</i> • <i>Industrial Counseling</i>

- (d) Permohonan perlu dibuat dalam tempoh lima (5) tahun selepas mendapat pengesahan kelulusan PhD dari Senat universiti atau institusi yang berkenaan.
- (f) Memiliki pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan telah menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3) penerbitan artikel jurnal berimpak (berindeks WoS-JCR) dalam tempoh 3 tahun ke belakang.
- (g) Umur calon mestilah tidak melebihi empat puluh lima (45) tahun sewaktu mengemukakan permohonan.
- (h) JKPPD berhak meminda syarat-syarat kelayakan yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan UTeM.

5. TARAF LANTIKAN

Pelantikan adalah bertaraf kontrak bukan staf dan tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

6. TEMPOH LANTIKAN

Tempoh lantikan PPD adalah selama satu (1) tahun dengan maksimum lantikan sebanyak 3 kali seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Tempoh lantikan PPD

Lantikan	Tempoh
Pertama	1 tahun
Kedua	1 tahun
Ketiga (maksimum)	1 tahun

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab PPD adalah seperti berikut:-

- (a) Menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa yang berpusat di PTj yang terlibat.
- (b) Menghasilkan penerbitan jurnal berimpak (rujuk **LAMPIRAN 1**). Semua hasil penerbitan hendaklah dimasukkan nama UTeM.
- (c) Mengemukakan laporan prestasi kepada pihak CRIM setiap enam (6) bulan.
- (d) Mengemukakan laporan akhir penyelidikan yang disahkan oleh Penyelia PPD dan diperakukan oleh Pengarah CRIM.
- (e) Menjadi penyelidik bersama geran penyelidikan dan menyelia pelajar pasca siswazah sebagai penyelia bersama.
- (f) Membantu membangunkan jaringan/rangkaian penyelidikan dengan pihak industri, universiti dalam dan luar negara.
- (g) Hasil penyelidikan adalah menjadi hak mutlak UTeM.

8. PENYELIA

Kriteria, tugas dan tanggungjawab penyelia adalah seperti berikut:-

- (a) Mempunyai geran penyelidikan yang aktif, sebagai penyelidik utama, keutamaan diberikan kepada projek penyelidikan dari dana luar (swasta dan antarabangsa), Kementerian Pengajian Tinggi atau Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi.
- (b) Staf akademik sama ada bertaraf tetap atau kontrak Gred 53/54 dan ke atas.

- (c) Telah menerbitkan artikel jurnal (WoS/SCOPUS) dan memenuhi KPI penerbitan staf akademik pada tahun sebelumnya.
- (d) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar PhD yang telah bergraduat sebagai penyelia utama.
- (e) Penyelia perlu membantu calon PPD untuk melapor diri di UTeM.
- (f) Membantu untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk penyediaan Visa Dengan Rujukan (dikeluarkan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara kepada seseorang yang bukan warganegara Malaysia bagi membolehkan individu berkenaan masuk ke Malaysia selepas visa diluluskan oleh pihak Imigresen) atau sebarang dokumen rasmi yang berkaitan.
- (g) Menyediakan ruang dan keperluan penyelidikan yang mencukupi.
- (h) Mengemukakan Laporan Prestasi setiap enam (6) bulan.
- (i) Mengemukakan Laporan Akhir selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tamat tempoh lantikan kontrak.
- (j) Memantau kehadiran PPD sepanjang tempoh lantikan.

9. SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEMULA

- (a) Penyelia hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh lantikan PPD mengemukakan permohonan untuk melantik semula PPD.
- (b) PPD hendaklah memenuhi Indeks Petunjuk Prestasi yang ditetapkan.
- (c) Penyambungan kontrak bergantung kepada kedudukan kewangan UTeM.
- (d) PPD hendaklah menghasilkan lima (5) artikel jurnal dalam setiap tempoh lantikan yang tersenarai dalam indeks WoS sebagai penulis pertama (status penerbitan yang diambil kira adalah penerbitan *in press* dan *published*).
- (e) Laporan prestasi hendaklah dikemukakan kepada Penyelia PPD dan pihak CRIM satu (1) bulan sebelum tamat tempoh kontrak.
- (f) Elaun sara hidup dan tahun lantikan adalah berdasarkan petunjuk prestasi seperti di **LAMPIRAN 1**.

10. PERKHIDMATAN

10.1 Elaun Sara Hidup

- (a) Elaun sara hidup maksimum adalah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sebulan.

- (b) Walau bagaimanapun, JKPPPD mempunyai kuasa untuk menyemak semula elaun sara hidup dari semasa ke semasa.

10.2 Cuti Rehat dan Cuti Sakit

- (a) Cuti rehat sebanyak dua puluh lima (25) hari setahun mengikut kelayakan perkhidmatan. Cuti rehat yang tidak digunakan akan luput apabila tempoh kontrak yang berkuatkuasa tamat.
- (b) Permohonan cuti rehat perlu disokong oleh Penyelia dan diluluskan oleh Pengarah/Timbalan Pengarah CRIM.
- (c) PPD layak mendapat cuti sakit dengan jumlah keseluruhan tidak lebih lima belas (15) hari setahun.
- (d) PPD wanita boleh dipertimbangkan cuti bersalin maksimum enam puluh (60) hari berturut-turut mulai tarikh melahirkan dan terhad hanya sekali sahaja bagi keseluruhan tempoh kontrak di UTeM. Sebarang permohonan cuti bersalin selanjutnya, pihak UTeM berhak untuk tidak membayar elaun sara hidup seperti mana di perenggan 10.1 di atas.

10.3 Rawatan Perubatan

- (a) PPD diberi peruntukan kemudahan rawatan perubatan untuk diri sendiri dengan kadar maksimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) setahun.
- (b) Kemudahan rawatan yang ditanggung oleh UTeM adalah terhad kepada:
- Rawatan perubatan di klinik panel;
 - Rawatan di Pusat Kesihatan UTeM; dan
 - Rawatan di mana-mana Klinik Kerajaan atau Hospital Kerajaan sahaja.
- (c) Dalam kes perubatan yang memerlukan rawatan pakar dan dimasukkan ke wad, PPD hanya dibenarkan menggunakan Hospital Kerajaan sahaja.

10.4 Tuntutan Perjalanan, Hotel dan Elaun Makan

- (a) PPD yang menjalankan kerja lapangan atau mana-mana kerja luar yang berkaitan dengan penyelidikannya boleh dipertimbangkan bayaran tuntutan perjalanan tertakluk kepada kelulusan UTeM menggunakan peruntukan geran.

- (b) PPD layak membuat tuntutan atas perjalanan rasmi yang diarahkan terhad kepada tuntutan perjalanan, hotel dan elaun makan pada Gred DS51 tertakluk kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- (c) PPD boleh dipertimbangkan untuk menghadiri seminar/persidangan/kursus yang diadakan di dalam atau luar negara tertakluk kepada kelulusan UTeM menggunakan peruntukan geran.

10.5 Lain-lain Kemudahan

Kemudahan tempat kerja seperti makmal atau bilik yang lengkap dengan peralatan pejabat termasuk kemudahan set komputer meja.

11. PIHAK BERKUASA MELANTIK

- (a) Keahlian JKPPPD adalah seperti berikut:-
 - i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
 - ii. Ketua Pegawai Operasi;
 - iii. Dekan Pusat Pengajian Siswazah
 - iv. Pengarah CRIM;
 - v. Timbalan Pengarah CRIM
 - vi. Pegawai Tadbir CRIM – Urus Setia
- (b) Bidang tugas Jawatankuasa Pemilih adalah seperti berikut:-
 - i. Mengesahkan kelayakan calon dari segi kepakaran penyelidikan.
 - ii. Menentukan keperluan kepakaran calon serta sumbangan kepada bidang tujuan penyelidikan UTeM.
 - iii. Menentukan kadar/kategori bayaran elaun PPD.
 - iv. Mempertimbangkan lantikan semula dan penamatkan lantikan PPD.
 - v. Memastikan proses lantikan adalah seiring dengan *Seven Strategic Goals of UTeM (SSG) 2021-2025* dan konsep *T.U.N.A.I (Technology @ University Advancing Industry and Society)*.
- (c) Keputusan pelantikan oleh JKPPPD akan diangkat kepada Naib Canselor untuk kelulusan.

12. PENAMATAN

Pihak UTeM atau PPD boleh menamatkan lantikan dengan:-

- (a) memberi notis satu (1) bulan; atau
- (b) satu (1) bulan elauan sara hidup sebagai ganti notis.

13. LAIN-LAIN

- (a) Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam garis panduan ini menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan disebabkan sebarang alasan, termasuk dan tidak terbatas kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau disebabkan keputusan mahkamah atau badan lain atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas garis panduan ini, maka hanya peruntukan tersebut sahaja yang terbatal manakala peruntukan-peruntukan yang lain masih sah dan berkuatkuasa.
- (b) Garis panduan ini adalah tertakluk kepada undang-undang, dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, garis panduan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- (c) Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.

JADUAL PETUNJUK PRESTASI

Elaun Bulanan (RM)	5,000		
Tahun/Perkara	1	2	3
*Geran Penyelidikan yang diterima (RM)	20,000	50,000	30,000
		atau 2 geran luar UTeM	
**Penerbitan Jurnal	5	5	5
***Penyeliaan Pelajar	2 MSc		
Aktiviti jaringan/kerjasama penyelidikan	1 (dalam negara)	1 (dalam negara)	

*Sebagai penyelidik bersama

**Artikel jurnal tersenarai dalam berindeks WoS dan Scopus sebagai penulis pertama dengan bilangan yang berikut:

- i. 5 WoS (Q1 – Q4) ATAU
- ii. 3 Scopus (Scimago Q1), minimum 2 WoS (Q1 – Q4)

***Sebagai penyelia bersama

POSTDOCTORAL RESEARCHER GUIDELINES
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PARAGRAPH

1. Aim
2. Definitions and Interpretations
3. Objectives
4. Application Terms
5. Level of Appointment
6. Term of Appointment
7. Duties and Responsibilities
8. Supervisor
9. Terms for Reappointment
10. Service
11. Appointing Authority
12. Termination
13. Others

POSTDOCTORAL RESEARCHER GUIDELINES

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. AIM

The aim of these guidelines is to explain the appointment procedures and management of Postdoctoral Researchers under UTeM sponsorship.

2. DEFINITIONS AND INTERPRETATIONS

2.1 In these guidelines, unless its context requires a different meaning—

“**CRIM**” means Centre for Research and Innovation Management;

“**PDRSC**” means Postdoctoral Researcher Selection Committee;

“**PhD**” means Doctor of Philosophy;

“**RC**” means the Responsibility Centre comprised of the Faculty/Institute/Centre/Office or whatever name is mentioned as having been established by the University from time to time;

“**Staff**” means any person employed by the University, whether on a permanent, contract, temporary, or part-time basis, and includes any person serving on loan at the University and who is being paid an emolument by the University;

“**PDR**” means the appointed postdoctoral researcher; and

“**UTeM**” means Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretations

- (a) Any word in the singular includes also the plural and vice versa.
- (b) Whenever the guidelines refer to a date in the calendar, any such figure or number shall refer to the day in the Gregorian calendar.

- (c) The headings and sub-headings in these guidelines have been included for ease of reference only and should not be taken into consideration in interpreting the guidelines.
- (d) The appendices referred to in these guidelines (if any) shall be taken, considered, read and construed as an integral part of these guidelines.

3. OBJECTIVES

The objectives of the UTeM's PDR appointment are as follows:

- (a) To strengthen the research ecosystem in the research thrust areas of UTeM.
- (b) To increase the number of journal article publications, research grants and supervision of postgraduate students.
- (c) To promote the development of human capital in the country through research activities.

4. APPLICATION TERMS

4.1 General Terms

- (a) Applications are open throughout the year.
- (b) Applications must be made using the prescribed form, which can be downloaded from the University's website.
- (c) Applications must be submitted to CRIM.
- (d) The application form must be submitted together with the following documents:
 - i. Copy of identity card (Malaysian citizens)/copy of passport (non-Malaysian citizens).
 - ii. Latest passport-sized photo.
 - iii. Academic certificates (Bachelor's Degree/Masters/PhD/Senate approval letter).
 - iv. Minimum TOEFL band of 600 or minimum overall IELTS score of 6.5 for international candidates whose PhD thesis is not in English Language.
 - v. Research Proposal and Implementation Schedule (in the form of a Gantt chart).
 - vi. Proof of publication in WoS/SCOPUS. Enclose the confirmation of publication from the WoS/SCOPUS website for those that have been published or a letter of confirmation of acceptance for publication for those that have yet to be published.
 - vii. *Curriculum Vitae*. (List of publications – attach the front page of the publication or a letter confirming acceptance for publication).

- (e) All copies of the documents in paragraph 4.1(d) above must be certified by UTeM or a government official from a Management and Professional group or the Embassy Office (candidates who are not Malaysian citizens).
- (f) Candidates must submit the original documents/certificates when reporting.
- (g) A health examination form that has been certified by a medical doctor of a Government Hospital or a panel clinic of UTeM must be submitted when reporting.

4.2 Specific Terms

- (a) Open to Malaysian and non-Malaysian candidates.
- (b) Possess a PhD from any university or institution from within or outside the country that is related to the field of research at the University and recognized by the Public Service Department of Malaysia.
- (c) The research field must be according to the research fields at the University, as shown in Table 1 below:

Table 1: Research fields at the University.

Domain	Research Field
Mechanical & Manufacturing	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Design and Concurrent Engineering</i> • <i>Advanced Manufacturing Processes</i> • <i>Autonomous and Intelligent Manufacturing</i> • <i>Competitive Manufacturing</i> • <i>Engineering Materials</i> • <i>Thermal Fluids</i> • <i>Structural Mechanics and Advanced Materials</i> • <i>Design and Innovation</i> • <i>Automotive Engineering</i> • <i>Energy Engineering</i>
Electrical & Electronic	<ul style="list-style-type: none"> • <i>High Voltage Technology</i> • <i>Power Electronics and Drives</i> • <i>Mechatronic System</i> • <i>Robotic and Industrial Automation</i> • <i>Sustainable Energy and Power System</i> • <i>Antenna and Propagation</i> • <i>Computer and Embedded System</i> • <i>Consumer Electronic</i> • <i>Electronics Instrumentation</i> • <i>Optoelectronics</i> • <i>RF and Microwave Engineering</i> • <i>Satellite and Navigation System</i>

Domain	Research Field
Information Technology & Communications	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Software and information Systems Engineering</i> • <i>Data and Knowledge Engineering</i> • <i>Artificial Intelligence, Modelling and Decision Technology</i> • <i>Networking and Internet Computing</i> • <i>Computer Systems and Security</i>
Management & Entrepreneurship	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Technology Management</i> • <i>Entrepreneurship</i> • <i>Human Resource Development</i> • <i>Technical Communication</i> • <i>Industrial Counseling</i>

- (d) Applications must be made within five (5) years after obtaining confirmation of PhD approval from the Senate of the university or institution concerned.
- (f) Have experience in conducting research and has produced at least three (3) publications of impactful journal articles (WoS-JCR indexed) in the past 3 years.
- (g) The candidate must not be more than forty-five (45) years old at the time when the application is submitted.
- (h) The PDRSC reserves the right to amend the requirements for eligibility as it deems necessary from time to time to meet the needs of the University.

5. LEVEL OF APPOINTMENT

Appointments are at a non-staff contractual level and are subject to the laws that are in force from time to time.

6. TERM OF APPOINTMENT

The term of appointment for a PDR is for one (1) year with a maximum of 3 appointments, as per Table 2 below:

Table 2: Term of Appointment for PDR

Appointment	Term
First	1 year
Second	1 year
Third (maximum)	1 year

7. DUTIES AND RESPONSIBILITIES

The duties and responsibilities of a PDR are as follows:

- (a) Conduct full-time research at the RC concerned.
- (b) Produce impactful journal publications (refer to **APPENDIX 1**). All publications must include the name of UTeM.
- (c) Submit a performance report to CRIM every six (6) months.
- (d) Submit a final research report certified by the PDR Supervisor and endorsed by the Director of CRIM.
- (e) Be a research grant co-researcher and supervise postgraduate students as a co-supervisor.
- (f) Help to develop research networks/links with industries, and local and foreign universities.
- (g) UTeM shall have absolute right over the research findings.

8. SUPERVISOR

The criteria, duties and responsibilities of a supervisor are as follows:

- (a) Must be in possession of an active research grant; as a lead researcher, priority is given to research projects from external funds (private and international), the Ministry of Higher Education or Ministry of Science, Technology and Innovation.
- (b) Much be an academic staff, either on a permanent or contract basis, with Grade 53/54 and above.
- (c) Must have published journal articles (WoS/SCOPUS) and fulfilled the KPI for academic staff publications in the previous year.
- (d) Have at least one (1) PhD student who has graduated as a principal supervisor.
- (e) Supervisors need to assist the PDR candidates in reporting to UTeM.
- (f) Assist in obtaining the documents required for the preparation of a Visa with Reference (issued by the Malaysian representative office abroad to a non-Malaysian citizen to enable the individual to enter Malaysia after the visa is approved by the Immigration) or any relevant official documents.
- (g) Provide adequate space and research needs.
- (h) Submit a Performance Report every six (6) months.

- (i) Submit a Final Report no later than seven (7) days before the expiry of the appointment contract.
- (j) Monitor the attendance of the PDR throughout the appointment term.

9. TERMS FOR REAPPOINTMENT

- (a) The supervisor shall submit an application for the reappointment of a PDR within three (3) months before the expiry of the term of appointment of the PDR.
- (b) The PDR must meet the prescribed Performance Indicator Index.
- (c) The extension of the contract is subject to the financial position of UTeM.
- (d) The PDR must produce five (5) journal articles as a first author listed in the WoS index for each term of appointment (publication status that is taken into account is that of a publication in press and published).
- (d) The performance report must be submitted to the Supervisor of the PDR and CRIM one (1) month before the expiry of the appointment contract.
- (f) Subsistence allowance and year of appointment are based on performance indicators as in **APPENDIX 1**.

10. SERVICE

10.1 Subsistence Allowance

- (a) The maximum subsistence allowance is Ringgit Malaysia Five Thousand (RM5,000) per month.
- (b) However, the PDRSC has the authority to review the subsistence allowance from time to time.

10.2 Vacation Leave and Sick Leave

- (a) Vacation leave of twenty-five (25) days per year according to service eligibility. Unused vacation leave will expire when the effective contract period ends.
- (b) The application for vacation leave must be supported by the Supervisor and approved by the Director/Deputy Director of CRIM.
- (c) A PDR is entitled to sick leave of not more than fifteen (15) days per year.

- (d) A female PDR can be considered for a maximum maternity leave of sixty (60) consecutive days from the date of the delivery and is limited to once only for the entire duration of the contract at UTeM. With any further application for maternity leave, UTeM reserves the right not to pay the subsistence allowance, as in paragraph 10.1 above.

10.3 Medical Treatment

- (a) A PDR is provided with medical treatment facilities for himself/herself at a maximum rate of Ringgit Malaysia Three Hundred (RM300) per year.
- (b) Treatment facilities that will be borne by UTeM are limited to:
 - i. Medical treatment at a panel clinic;
 - ii. Treatment at UTeM's Health Centre; and
 - iii. Treatment at any Government Clinic or Government Hospital only.
- (c) In medical cases requiring specialist treatment and admission to a ward, the PDR is only entitled to use a Government Hospital.

10.4 Travel, Hotel and Meal Allowance Claims

- (a) A PDR who carries out fieldwork or any outside work related to his/her research may be considered for payment of travel claims, subject to the approval of UTeM using the grant allocation.
- (b) The PDR is eligible to claim for official trips as directed, which is limited to a claim for travel, hotel and meal allowance for Grade DS51, subject to the University's Financial and Accounting Regulations that are in force from time to time.
- (c) A PDR may be considered to attend seminars/conferences/courses held locally or abroad, subject to the UTeM's approval using the grant allocation.

10.5 Other Facilities

Workplace facilities such as laboratories or rooms equipped with office equipment, including desktop computer facilities.

11. APPOINTING AUTHORITY

- (a) The membership of the PDRSC is as follows:
 - i. Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation);
 - ii. Chief Operating Officer;
 - iii. Dean of Graduate Studies Centre
 - iv. Director of CRIM;
 - v. Deputy Director of CRIM
 - vi. Administrative Officer of CRIM – Secretariat
- (b) The scope of duties of the Selection Committee is as follows:
 - i. Verify the qualifications of the candidate with regard to research expertise.
 - ii. Determine the candidate's expertise needs as well as contributions to the University's research thrust areas.
 - iii. Determine the rate/category of payment of the PDR allowance.
 - iv. Consider the reappointment and termination of the PDR appointment.
 - v. Conduct the appointment process in line with Seven Strategic Goals of UTeM (SSG) 2021-2025 and the concept of T.U.N.A.I (Technology @ University Advancing Industry and Society).
- (c) The appointment decision of a PDR will be presented to the Vice Chancellor for approval.

12. TERMINATION

UTeM or PDR can terminate the appointment by:

- (a) giving notice of one (1) month; or
- (b) one (1) month's subsistence allowance in lieu of notice.

13. OTHERS

- (a) If any of the provisions under these guidelines become invalid and unenforceable for any reason, including and not limited to the provisions of any law in force or due to a decision of a court or other body or authority having jurisdiction over these guidelines, then, only those provisions will be void, while the other provisions will remain valid and in force.

- (b) These guidelines are subject to the laws, policies, circulars, circular letters, rules, and guidelines in force from time to time.
- (c) These guidelines are subject to amendments by UTeM from time to time.

PERFORMANCE INDICATOR TABLE

Monthly Allowance (RM)	5,000		
Year/Item	1	2	3
*Research Grant received (RM)	20,000	50,000	30,000
		or 2 grants outside of UTeM	
**Journal Publications	5	5	5
***Student Supervision	2 MSc		
Networking activities/research collaborations	1 (in the country)		1 (in the country)

*As a co-researcher

**Journal articles indexed in WoS and Scopus as first author with the following numbers:

- i. 5 WoS (Q1 – Q4) OR
- ii. 3 Scopus (Scimago Q1), 2 WoS (Q1 – Q4)

***As a co-supervisor